

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, October 9, 2018 9:28 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: "Tidak Akan Berkompromi Isu Nilai Teras – Ilmu Budi Bakti" : Naib Canselor



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

9 OKTOBER 2018 / 29 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

"TIDAK AKAN BERKOMPROMI ISU NILAI TERAS – ILMU BUDI BAKTI" : NAIB CANSELOR



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengulangi ketegasannya tidak akan berkompromi dalam isu nilai teras 'Ilmu Budi Bakti' yang didokong

UUM sejak mula penubuhannya.

Menurutnya, universiti tidak boleh melaksanakan sesuatu dasar kemudian beralih ke dasar lain selepas beberapa tahun.

"Kita semua sedia maklum, zaman berubah, teknologi berubah namun teras 'Ilmu Budi Bakti' yang dipegang UUM akan terus dipertahan khususnya dalam usaha untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka yang merupakan visi dan misi universiti ini," ujarnya pada sesi Santai VC UUM Bersama Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM).

Sesi itu dikendalikan Pengarah IPDM, Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Sementara itu ketika mengulas isu ranking dan rating universiti, beliau berkata perkara itu akan terus diberi penekanan namun bukan keutamaan.

"Akhir-akhir ini kita terlalu taksud dengan ranking dan rating yang menyebabkan aspek-aspek "humanising" dikesampingkan. Kita harus lihat di mana peranan ranking dan rating secara menyeluruh seperti aspek praktikal dan aplikasi, bukan lihat dari satu perspektif sahaja.

"Misalnya, ada sebuah universiti di Jepun yang kedudukannya jauh di bawah UUM, namun dari segi aspek fizikal jauh di hadapan. Ini membuktikan bahawa ranking dan rating tidak secara mutlak menunjukkan kita atau pihak lain lebih baik.

"Kita tidak boleh samakan Malaysia dengan Amerika Syarikat, konteks dan *stakeholder* tidak sama. Kita perlu lihat konteks negara kita supaya boleh tahu arah hala tuju kita," tambahnya.

Katanya lagi apa yang lebih penting adalah menjenamakan semula UUM berdasarkan teras 'Ilmu Budi Bakti' dan mengembalikan UUM kepada matlamatnya iaitu untuk mendidik.

Selain itu, Naib Canselor turut berazam mengharmonikan semula suasana kerja UUM di mana beliau memberi ruang kepada semua *stakeholder* tidak mengira pangkat untuk berjumpa terus dengannya bagi mengutarakan pendapat dan sebagainya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.